

SOALAN NO: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]
TARIKH : 8 NOVEMBER 2017
SOALAN : 14**

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian telah menjalankan siasatan penuh mengenai kualiti air minum di Malaysia, dan sama ada air ini mengandungi plastik seperti yang didapati dalam Kajian Orb Media awal bulan September.

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Peraturan 360B, Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Akta Makanan 1983, semua produk air minuman berbungkus (AMB) yang dijual hendaklah dilesenkan terlebih dahulu oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kegagalan mematuhi peraturan tersebut adalah satu kesalahan dan jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh dua (2) tahun, serta produk AMB tidak berlesen yang dijual juga boleh dirampas.

Sehingga 30 September 2017, sebanyak 250 lesen AMB telah dikeluarkan sejak peraturan ini dikuatkuasakan bermula pada tahun 2001.

KKM sentiasa menjalankan pemantauan bagi memastikan produk AMB yang dijual di pasaran mematuhi semua keperluan perundangan yang ditetapkan. Aktiviti pemantauan bermula daripada penubuhan kilang pemprosesan AMB sehingga mendapat kelulusan lesen daripada KKM dan diteruskan sepanjang kilang tersebut beroperasi mengeluarkan produk AMB.

Dalam hal ini, proses kelulusan lesen melibatkan aktiviti verifikasi kilang dan pensampelan bagi tujuan analisa fizikal, kimia, mikrobiologi dan radioaktif yang dihantar ke makmal yang diluluskan di bawah Akta Makanan 1983. Kelulusan lesen hanya akan diberikan kepada pemohon yang mematuhi segala keperluan pelesenan yang ditetapkan.

Bagi memberikan jaminan keselamatan kepada pengguna, semua produk AMB yang dijual di pasaran hendaklah mematuhi standard yang ditetapkan dalam Jadual Kedua Puluh Lima, Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Sehubungan itu, pemantauan berkala ke atas kualiti produk AMB yang telah diluluskan sentiasa dijalankan oleh KKM pada setiap tahun. Di samping itu, pemegang lesen AMB juga bertanggungjawab untuk menjalankan pemantauan sendiri pada setiap tahun seperti yang telah ditetapkan.